



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PUP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

30 JANUARI 2021 (SABTU)



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHSIAL PENGONJUNA

KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDNHEP)

30 JANUARI 2021 (SABTU)

51 premis kelengkapan elektronik diperiksa

GEORGETOWN - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Pulau Pinang memeriksa sebanyak 51 premis perniagaan kelengkapan elektronik di negeri ini bermula Isnin sehingga Jumaat.

Pengarahnya, Mohd Ridzuan Ab Ghapar berkata, dalam tempoh itu, sebanyak lapan notis di bawah Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan (AKHAP) 2011 dikeluarkan kepada lapan pemilik premis bagi mendapatkan maklumat untuk tujuan siasatan lanjut.

"Kita telah menjalankan pemantauan dan pemeriksaan bagi memantau penjualan kelengkapan elektronik di bawah Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan (AKHAP) 2011.

"Pemeriksaan ini adalah untuk memastikan tiada peniaga menaikkan harga jualan bagi komputer meja, komputer riba, tablet, mesin pencetak dan telefon

bimbit di peringkat runcit di Pulau Pinang semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan," katanya dalam satu kenyataan di sini pada Jumaat.

Beliau berkata, pemeriksaan bertujuan memberikan keyakinan kepada golongan ibu bapa bahawa tiada kenaikan harga selain tiada peniaga memanipulasi harga peralatan komputer.

"Dalam pelaksanaan PKP, pelajar sekolah perlu menggunakan komputer untuk pembelajaran. Oleh demikian, pemeriksaan ini bagi memastikan tiada kenaikan harga dan juga tiada peniaga memanipulasi harga peralatan komputer," katanya.

Mohd Ridzuan berkata, sekiranya terdapat peniaga yang didapati melakukan kesalahan dengan menaikkan harga kelengkapan elektronik, tindakan akan diambil terhadap peniaga mengikut Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011.

Harga RON95, RON97 kekal

KUALA LUMPUR- Harga runcit petrol RON95 dan RON97 masing-masing kekal pada RM1.90 dan RM2.20 seliter dari 30 Januari hingga 5 Februari ini.

Bagaimanapun, Kementerian Kewangan dalam satu kenyataan di sini hari ini mengumumkan harga runcit diesel dalam tempoh sama turun dua sen daripada RM2.09 seliter kepada RM2.07 seliter.

Kementerian itu berkata harga berkenaan adalah berdasarkan penetapan harga runcit produk petroleum mingguan, menggunakan formula Mekanisme Harga Automatik (APM).

Kerajaan akan terus memantau kesan perubahan harga minyak mentah dunia serta mengambil langkah yang bersesuaian, bagi memastikan kebajikan dan kesejahteraan rakyat terus terpelihara. - *Bernama*



HARI : SABTU
TARIKH : 30/1/2021
M/SURAT : 1

An advertisement for petroleum products. On the left is a close-up of a fuel nozzle dispensing yellow fuel. On the right is a price list for RON95, RON97, and DIESEL, with their respective prices and a note about a 1-sen increase for Diesel.

HARGA RUNCIT PRODUK PETROLEUM
HARI TEMPON 30 JANUARI HINGGA 5 FEBRUARI 2021

RON95 (Kekal) RM1.90 SEKITAR	RON97 (Kekal) RM2.20 SEKITAR	DIESEL (+2 sen) RM2.07 SEKITAR
---	---	---

HARI : SABTU

TARIKH : 30/1/2021

M/SURAT : 16

Senarai Harga Barang Keperluan	
• Ayam	RM5.90
• Daging Lembu Tempatan	RM32
• Daging Lembu Import	RM23
• Telur Gred A	RM9.79
• Ikan Kembung	RM8.90
• Minyak Masak	RM5.32
• Gula Pasir	RM2.60
• Bawang Besar Holland	RM2.69
• Bawang Putih	RM4.80
• Cili Merah	RM12.80
• Kubis Bulat Tempatan	RM3.80
• Tepung Gandum	RM1.35

*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (AGENSI KPDNHEP)

30 JANUARI 2021 (SABTU)

Cap dagangan medium efektif pasar barangan

Isu pendaftaran cap dagangan 'Hari-mau Menangis' yang tular baru-baru ini mencetuskan polemik dalam kalangan warga maya. Timbul juga kekeliruan hingga ada yang menganggap ia dipatenkan.



Dr Haliza
A Shukor

Walaupun paten dan cap dagangan wujud daripada rumpun serupa iaitu harta intelek, kedua-duanya berbeza dari segi ciri perlindungan diberikan serta undang-undang mengawal-nya.

Paten ialah dokumen diperolehi apabila seseorang berjaya menghasilkan sesuatu ciptaan baharu sama ada dalam bentuk produk atau proses.

Ciptaan berkenaan hendaklah memenuhi kriteria tertentu dalam Akta Paten 1983 (Akta 291) sebelum ia didaftarkan dan boleh diberikan paten.

Sementara itu, cap dagang pula jenama digunakan terhadap sesuatu barang atau perkhidmatan bagi tujuan

perniagaan dikawal Akta Cap Dagangan 2019 (Akta 815).

Walaupun isu sebegini menimbulkan polemik dalam kalangan warga maya, jika dilihat dari sudut positif, kesedaran untuk melindungi harta intelek berjaya diterap dalam masyarakat di negara ini.

Melalui pemerhatian dijalankan terhadap media sosial seperti Facebook dan Instagram, rata-rata peniaga menjual dan mempromosi barangan mereka secara dalam talian juga membuat penjenamaan semula.

Tindakan itu dapat mengelakkan mereka daripada dikenakan tindakan undang-undang kerana mengguna pakai cap dagangan orang lain tanpa kebenaran.

Selain itu, cap dagangan dilihat sebagai medium efektif bagi tujuan pemasaran barangan dan perkhidmatan kerana melalui cap dagangan, pelanggan akan dapat mengenal pasti kualiti sesuatu barangan atau perkhidmatan.

Pelanggan juga berupaya membezakan barangan atau perkhidmatan berkenaan antara satu peniaga dengan peniaga lain.

Secara amnya, cap dagangan merujuk pada apa-apa tanda boleh dinyatakan secara grafik yang dapat membezakan barang daripada sesuatu perusahaan dengan syarikat lain.

Perlu diingat tidak semua tanda seperti nama, huruf, simbol, nombor atau tandatangan boleh diluluskan pendaftarannya sebagai cap dagangan.

Sebagai contoh, tanda yang tidak boleh digambarkan secara grafik, tidak distingtif atau jelas berbeza dengan yang lain boleh ditolak pendaftarannya.

Begitu juga pendaftaran cap dagangan menggunakan tanda atau petunjuk yang sudah menjadi kelaziman dalam bahasa semasa sesuatu tempat boleh ditolak.

Syarat ini sudah diperuntukkan dengan jelas dalam Bab 3 Akta 815 yang memperuntukkan alasan penolakan pendaftaran cap dagangan sama ada secara mutlak atau secara relatif.

Selain itu, melalui pindaan yang dibuat sebelum ini, Akta 815 juga membenarkan pendaftaran bau dan bunyi sebagai cap dagangan.

Walaupun ia kelihatan agak pelik dan

sukar, ia bukanlah perkara baharu kerana ia dipraktikkan di negara lain. Sebagai contoh bunyi ngauman singa didaftarkan sebagai cap dagangan oleh Metro-Goldwyn-Mayer Lion Corp. manakala bau pudina untuk pelekat Salomons oleh syarikat Jepun, iaitu Hisamitsu Pharmaceutical Co.

Selain itu, tidak ada kewajipan untuk mendaftarkan cap dagangan di bawah Akta 815 kerana cap dagangan tidak didaftarkan masih diberi perlindungan undang-undang, iaitu di bawah undang-undang *common law* dan *equity*.

Bagaimanapun, cap dagangan berdaftar di bawah Akta 815 mempunyai kelebihan kerana pemilik cap dagangan terbahit mempunyai hak eksklusif terhadap cap dagangannya serta mempunyai hak jelas dalam undang-undang untuk mengambil tindakan sekiranya cap dagangannya digunakan tanpa kebenaran.

Penulis adalah Pensyarah Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)